

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YB DATUK SERI M. SARAVANAN
[TAPAH]**

SOALAN NO. 410

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan adakah dasar-dasar ekonomi negara kini selaras dengan hasrat Malaysia Baru dan apakah dasar ini mempunyai ruang dan peluang dalam memperkasakan ekonomi kesemua lapisan masyarakat di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah membentangkan dasar dan hala tuju sosioekonomi yang baharu bagi tempoh 2018-2020 dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas (KSP RMKe-11) pada bulan Oktober 2018. Dasar yang diperkenalkan dalam KSP RMKe-11 adalah selaras dengan hasrat dan aspirasi Malaysia Baharu di mana semua dasar serta strategi sosioekonomi telah dijajar semula dengan mengambil kira keutamaan dan penekanan baharu Kerajaan hari ini. Pada masa yang sama, Kerajaan komited untuk merangsang pertumbuhan ekonomi dengan pengukuhan fiskal bagi memastikan pembangunan ekonomi demi kesejahteraan semua lapisan masyarakat.

2. Kerajaan memahami isu dan cabaran yang dihadapi oleh setiap lapisan masyarakat. Justeru, Tonggak II: Memperkukuh Pembangunan Inklusif dan Kesejahteraan Rakyat dan Tonggak IV: Memperkasa Modal Insan, KSP RMKe-11 merupakan dasar-dasar bagi menangani ketidaksamarataan sosioekonomi untuk memperkukuh inklusiviti ke arah masyarakat yang saksama. Antara strategi dan inisiatif dalam meningkatkan pendapatan dan kuasa beli isi rumah B40 serta

menangani kos sara hidup bagi mengurangkan ketidakseimbangan ekonomi dalam kalangan rakyat adalah;

3. **Pertama**, meningkatkan pendapatan dan kuasa beli rakyat terutamanya isi rumah miskin dan berpendapatan rendah melalui program peningkatan pendapatan serta penyediaan keperluan asas yang meliputi aspek perumahan, pendidikan dan kesihatan;

4. **Kedua**, meningkatkan keupayaan mendapat pekerjaan terutama bagi pekerjaan berpendapatan tinggi dengan membina kapasiti dan keupayaan melalui pendidikan dan latihan kemahiran serta memanfaatkan teknologi bagi meningkatkan produktiviti;

5. **Ketiga**, menggalakkan program-program pembangunan keusahawanan dan ekonomi perkongsian (*sharing economy*) dan keusahawanan sosial (*social enterprises*), termasuk pembangunan kemahiran usahawan mikro dan perusahaan kecil sederhana;

6. **Keempat**, meningkatkan sistem perlindungan sosial bersepadu dan komprehensif khususnya isi rumah B40 melalui pelaksanaan program perlindungan sosial oleh pelbagai agensi Kerajaan; dan

7. **Kelima**, melaksanakan dasar gaji yang diselaraskan antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak bagi membolehkan peningkatan langsung kadar bayaran kerja lebih masa (*overtime*), caruman dalam simpanan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan perlindungan di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial Malaysia (PERKESO). Di samping itu, Kerajaan juga akan mengkaji sistem gaji berasaskan produktiviti supaya kenaikan gaji adalah sejajar dengan peningkatan pengeluaran seterusnya meningkatkan kuasa beli rakyat.

8. Berdasarkan strategi dan inisiatif yang telah dinyatakan, Kerajaan yakin dengan dasar pembangunan ekonomi yang diperkenalkan ini bukan sahaja akan meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara, bahkan akan meningkatkan taraf kehidupan rakyat.

Sekian, terima kasih.